

## Langkah Berjaga-jaga Semasa Menunggang

### Penungangan Awal

Pada 500 km yang pertama (300 batu), sila patuhi garis panduan seperti berikut untuk memastikan keadaan skuter anda berada dalam keadaan baik pada masa depan.

- Elakkan daripada menghidupkan enjin dengan memutarakan pendikit dengan sepenuhnya ataupun melakukan pecutan pantas.
- Elakkan daripada membrek terlalu lama.
- Tungganglah dengan konservatif.

### Brek

Sila mengikut garis panduan seperti di bawah:

- Elakkan daripada melakukan brek tegap.
  - ▶ Brek yang mendadak akan mengurangkan kestabilan skuter.
  - ▶ Kurangkan kepantasan sebelum melakukan pembelokan untuk mengelak daripada tergelincir.

## Langkah Berjaga-jaga Semasa Menunggang

- Berhati-hati di atas permukaan licin.
  - ▶ Tayar akan lebih cenderung tergelincir pada permukaan sebegini dan brek akan mengambil jarak yang lebih jauh untuk berhenti.
- Elakkan daripada menggunakan brek yang berterusan.
  - ▶ Brek bertalu-talu semasa menuruni curam panjang, mungkin akan menyebabkan brek menjadi terlalu panas dan menjejaskan keberkesanannya.
- Untuk keberkesanan maksimum, gunakanlah kedua-dua brek hadapan dan belakang semasa brek.

### Brek Gabungan

Skuter anda dilengkapi dengan sistem brek yang mengagihkan daya brek di antara brek hadapan dan belakang.

Pengagihan daya brek yang digunakan pada brek hadapan dan belakang apabila mengendalikan tuil brek hadapan sahaja dan apabila mengendalikan tuil brek belakang sahaja adalah berbeza.

Untuk keberkesanan maksimum, gunakanlah kedua-dua brek hadapan dan belakang semasa brek.